Melayu akan 'tempang sebelah' jika...

Datuk Shahrir Samad

KUALA LUMPUR, Ahad — Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Shahrir Abdul Samad, mengingatkan bahawa masyarakat Melayu akan menjadi 'tempang sebelah' jika tidak mempunyai kekuatan di bidang-bidang lain.

Masyarakat Melayu kini, katanya, mempunyai kekuatan politik tetapi tidak di bidang ekonomi.

"Meskipun dengan kekuatan politik kita dapat menjalankan rancangan-rancangan tertentu, tetapi kita harus ada kekuatan dalam bidang lain," katanya ketika merasmikan Persidangan Tahunan Umno Cawangan Jalan Menteri di sini, hari ini.

Politik sahaja tidak dapat menjamin sesuatu jika tidak ada kekuatan lain seperti pelajaran, ekonomi, pengetahuan dan lain-lain, tambahnya.

Oleh itu, tegas Datuk Shahrir, masyarakat Melayu harusiah mempunyai kekuatan di berbagai bidang demi kepentingan masa depan agama, rakyat dan negara ini.

Dalam hubungan ini, Datuk Shahrir menegaskan, sekiranya Umno hanya mementingkan soal politik semata-mata, ia tidak akan dapat bergerak untuk menjamin masa depan masyarakat Melayu dan agama Islam, sekarang. Umno tidak dapat dipisahkan dari orang Melayu dan masalah sosio ekonomi mereka.

Oleh kerana matlamat Umno untuk mencapai perpaduan, ia bergerak di semua bidang dan lapisan masyarakat, tidak kira musim, ujarnya.

"Umno bergerak tanpa menunggu sesuatu isu timbul. Umno bergerak tidak menunggu hanya waktu pilihanraya. Inilah rahsia kekuatan Umno," katanya.

Katanya, asas kekuatan Umno atau pentadbiran politik masyarakat Melayu bukan terletak pada pucuk kepemimpinan, tetapi bermula di peringkat cawangan.

Katanya, dengan membayar yuran $1, ahli-ahli Umno dapat bersama-sama membincangkan berbagai isu kepentingan agama, bangsa dan negara.

Ahli-ahli mempunyai hak dan tanggungjawab untuk menegur, bukan sahaja perjalanan cawangan dan bahagian, tetapi juga di peringkat negeri dan pusat.

Datuk Shahrir berkata, satu tradisi yang mengukuhkan Umno selama ini ialah kerana ia dapat melahirkan perpaduan orang Melayu.

Menurutnya, perpaduanlah yang menjadi senjata sulit untuk menghadapi penjajah British dahulu hingga negara ini mencapai kemerdekaan.

Katanya, dengan perpaduanlah orang Melayu sanggup berhadapan dengan British menuntut supaya Malayan Union dibubarkan.

Datuk Shahrir berkata, dalam mentadbirkan negara, kerajaan menggubal dasar dengan tujuan meletakkan maruah Melayu dan agama Islam selaras dengan kekuatan politik yang dilahirkan melalui perpaduan.

Datuk Shahrir mengingatkan bahawa tanpa perpaduan yang dipupuk sekarang, segala-galanya akan hancur.

Sebagai contoh, katanya, Sepanyol, meskipun pernah diperintah oleh masyarakat Islam selama 200 tahun, tetapi hari ini yang tinggal hanya kesan sejarah Islamnya sahaja.

Berdarjat

Beliau bimbang dengan gejala beza membeza antara satu sama lain yang agak ketara sekarang.

Katanya, terdapat mereka yang membezakan Islam dan kurang Islam, Melayu dan kurang Melayu dan mereka yang berdarjat dan tidak berdarjat.

Ada juga yang membezakan seseorang itu menjadi pengikut seseorang dan sentimen kedaerahan.

Katanya, sentimen demikian akan hanya melemahkan kekuatan Umno serta memecahbelahkan perpaduan masyarakat Melayu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia